

## KENYATAAN MEDIA

### UIAM SAPU BERSIH DEBAT DIRAJA ANTARA IPT 2019

ARAU, 10 September 2019 - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyapu bersih gelaran johan Pertandingan Debat Diraja Antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2019 apabila memenangi kedua-dua kategori yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) baru-baru ini.

Mereka menang bagi kategori Debat Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris seterusnya berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM 10,000 bagi setiap kategori beserta piala iringan Debat Diraja, trofi dan sijil penyertaan.

Ini sekaligus mengakhiri penantian 12 tahun UIAM selepas kali terakhir memenangi kedua-dua kategori pada 2007.

Menurut Pengarah Pusat Debat dan Oratori Dunia UIAM (IWON) merangkap Setiausaha Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Puan Mizan Muhammad, kemenangan ini adalah sesuatu yang sangat ditunggu-tunggu sekaligus menamatkan penantian UIAM.

“Pelbagai usaha telah dijalankan oleh UIAM bagi mencari pendebat terbaik dan sesetengah pendebat ini telah dikenalpasti bakat mereka sedari sekolah melalui Pertandingan Debat Antara Sekolah UIAM tetapi ada juga yang bermula semasa di universiti.

“Kita jalankan beberapa siri demonstrasi debat untuk membuka keahlian baharu kepada pelajar dan setiap minggu kita jalankan latihan khusus kepada pendebat-pendebat baharu,” katanya ketika ditemui pemberita sejurus tamat pertandingan.

UIAM dengan barisan pendebat iaitu Nurul Syafiqah Ariffin, Muhammad Ilham Hafiz Azmi, Muhammad Wafi Anwar Roslan dan Muhammad Aniq Qawiem menewaskan pasukan debat Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dengan usul ‘Demi Perkara 152: Dewan Ini Akan Memberi Mandat Penguatkuasaan’ bagi kategori Bahasa Melayu.

Manakala Umy Marshita Mohamad Azhar, Muhamad Hilmy Mohd Yazid, Irtza Ali Soomro dan Zhan Qing Yang @ Shafia Zhan adalah pendebat kategori Bahasa Inggeris UIAM menewaskan Universiti Malaya (UM) dengan usul ‘This House Prefers A World Where Malaysia Has A Singular National Identity As Oppose To A Multicultural Society’.

Selain johan, dua pendebat UIAM iaitu Muhammad Wafi Anwar Roslan dan Irtza Ali Soomro turut meraih gelaran Pendebat Terbaik dan masing-masing membawa pulang wang tunai RM1000.00, trofi dan sijil.

Berangkat hadir merasmikan penutup pertandingan ialah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UniMAP. Berangkat sama ialah Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro Canselor UniMAP.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Perancangan Strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) wakil YB Menteri Pendidikan, Dato’ Kamel Mohamad; Mufti Negeri Perlis, Prof. Madya Dato’ Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Zainul Abidin; Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Penyelidikan & Antarabangsa), Prof. Dr. Mohd Cairol Iqbal Mohd Amin; Naib Canselor UniMAP, Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad; dan Pengerusi MADUM, Prof. Madya Dr. Zulkifli Hasan.

Tambah Mizan, selepas ini UIAM berhasrat untuk menyebarluaskan aktiviti debat kepada lebih ramai lagi pelajar di kampusnya.

“Kami juga melihat debat melangkaui pertandingan dan kita merancang beberapa inisiatif untuk membudayakan debat kepada masyarakat di luar melalui beberapa program seperti Siri Debat Awam UIAM.

“Pendebat-pendebat adalah terbuka di kalangan masyarakat seperti ahli politik, ahli badan bukan kerajaan (NGO) dan sesiapa juga yang berminat untuk berdebat di UIAM sambil disaksikan oleh pelajar dan juga orang awam,” katanya.

Dikeluarkan Oleh :

**Nurul Aida Othman**

**Penolong Pegawai Media UniMAP**

**Tel : 04-9798522**